

Langkah baik terima semula PBDS

KUALA LUMPUR 2 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri **Dr. Mahathir Mohamad** menyifatkan keputusan Barisan Nasional (BN) Sarawak menerima semula Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) sebagai langkah baik.

Kata beliau, keputusan berkenaan juga mencerminkan parti-parti komponen BN Sarawak mengamalkan sikap terbuka dalam soal menerima parti lain.

Menurut **Dr. Mahathir**, keputusan itu juga menunjukkan ketiga-tiga parti komponen BN Sarawak tidak mempunyai perasaan dendam walaupun PBDS pernah keluar daripada BN pada tahun 1987.

"Ini satu langkah yang baik dan saya mengucapkan tahniah kepada tiga parti lagi (parti komponen BN Sarawak) kerana tidak berdendam, sebaliknya menerima PBDS sebagai anggota di Sarawak.

"Ini adalah sesuatu yang mencerminkan falsafah BN," kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian bagi mengulas keputusan BN Sarawak menerima permohonan PBDS yang diketuai oleh Datuk **Leo Moggie** untuk masuk semula ke dalam BN.

Anggota-anggota lain BN Sarawak ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Dr. Mahathir seterusnya berkata, pemimpin-pemimpin PBDS mengambil keputusan untuk menyertai BN Sarawak selepas sedar bahawa mereka boleh membayanya untuk kaum Iban dan Dayak sekiranya bergabung dengan barisan itu.

"Hanya di Sarawak sahaja PBDS tidak menjadi anggota BN tetapi sekarang telah timbul kesedaran di kalangan pemimpin PBDS bahawa mereka akan memperolehi lebih banyak kejayaan dalam perjuangan untuk orang-orang Iban dan Dayak melalui penyertaan dalam BN.

"Sebab itu mereka mengambil keputusan untuk menyertai Kerajaan Negeri dan BN Sarawak," katanya.